

SESI PERTEMUAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) DENGAN PERSATUAN MAHASISWA PERNIAGAAN & EKONOMI (PMPE)

Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi (PMPE) baru-baru ini telah mengadakan perbincangan dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama pada Januari 2008. Perbincangan telah dipengerusikan oleh Presiden PMPE, Saudari Nazirah Ahmad serta dihadiri kesemua ahli majlis tertinggi persatuan. Manakala pihak MPP diwakili oleh tiga orang Exco tertinggi yang bertanggungjawab. Perbincangan meliputi hal-hal berkaitan kebijakan pelajar selain membincangkan pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan bagi kepentingan pelajar. Melalui kerjasama yang erat bersama badan induk pelajar (MPP) akan dapat mewujudkan semangat berpersatuan selain memupuk ciri-ciri kepimpinan di kalangan mahasiswa.

